

Headline	Harga rumah dijangka susut lima peratus
MediaTitle	Berita Harian
Date	18 Aug 2017
Section	Nasional
Page No	18
Language	Malay
Journalist	Zanariah Abd Mutalib
Frequency	Daily



# Harga rumah dijangka susut lima peratus

➔ Penggunaan IBS untuk pembinaan diwajibkan dalam tempoh tiga tahun lagi

Oleh **Zanariah Abd Mutalib**  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

► **Sepang**

**H**arga rumah dijangka susut lima peratus, apabila sistem binaan berindustri (IBS) diwajibkan sepenuhnya terhadap projek pembinaan di Malaysia, dalam tempoh tiga tahun lagi.

Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Datuk Ahmad Asri Abdul Hamid, berkata penurunan itu boleh dicapai dalam tempoh tiga tahun pertama pelaksanaannya melalui permintaan terhadap komponen pembinaan yang tinggi.

"Ketika ini, kapasiti pengeluaran

komponen oleh kilang di Malaysia, hanya pada kadar 50 hingga 60 peratus kerana permintaan rendah, tetapi apabila IBS diwajibkan sepenuhnya kelak, permintaan diunjur meningkat dan kilang akan mengeluarkan lebih banyak komponen, selain banyak kilang baharu akan dibuka.

"Ini seterusnya akan menyebabkan harga rumah menjadi lebih rendah berbanding menggunakan kaedah pembinaan secara konvensional," katanya ketika ditemui selepas program lawatan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof ke kilang Gamuda IBS di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan Gamuda Berhad, Datuk Lin Yun Ling dan Pengarah

Headline	Harga rumah dijangka susut lima peratus
MediaTitle	Berita Harian
Date	18 Aug 2017
Section	Nasional
Page No	18
Language	Malay
Journalist	Zanariah Abd Mutalib
Frequency	Daily



Urusan Gamuda Engineering, Datuk Ubull Din Om.

Gamuda IBS adalah kilang IBS pertama di Malaysia yang beroperasi secara automasi robotik sepenuhnya dan mampu menghasilkan sehingga 3,000 unit pangsapuri setahun.

#### Inisiatif tambahan

Sementara itu, Fadillah dalam ucapannya, berkata Kementerian akan memasukkan inisiatif tambahan bagi mempromosi kilang IBS diintegrasikan sepenuhnya seperti Gamuda IBS, dalam Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020.

"Kilang ini, yang menggabungkan Permodelan Maklumat Bangunan (BIM), automasi robotik pem-



#### Kelebihan Gamuda IBS

- **Penyelesaian tersuai** - pelbagai produk untuk pasaran Malaysia
- **Pembinaan mapan** - produktiviti tinggi dalam persekitaran kerja selamat
- **Masa pembinaan** lebih singkat - kecekapan optimum, pengurangan tempoh sehingga 12 bulan
- **Kualiti yang** meningkat dan terjamin - skor tinggi IBS dan Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (Qclassic)

buatan separa bahan dan penyampaian projek melalui platform digital, adalah model yang akan menjadikan sektor pembinaan relevan dan berdaya saing pada peringkat global.

#### CITP jayakan dasar kerajaan

"CITP yang dikemas kini akan menjayakan dasar kerajaan sedia ada untuk lebih banyak kilang seperti Gamuda IBS beroperasi bagi memacu Malaysia ke arah negara berkemahiran dan berpendapatan tinggi serta produktif," katanya.

Ubull Din berkata, kilang kedua Gamuda IBS yang turut beroperasi secara automasi robotik sepenuhnya akan dibina di Banting dan dijangka siap pada hujung 2018.



**Fadillah (kiri) mendengar penerangan daripada Ubull Din** pada lawatan dan meninjau operasi kilang Gamuda IBS di Sepang, semalam.